



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB), masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GREDE, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
S 10/2022 – Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Abdullah Samad.	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE 21 Kerja – kerja Kejuruteraan Awam	Tarikh Dokumen Dijual: 21 Mac 2022 (Isnin) Sehingga 28 Mac 2022 (Isnin)	<u>Harga Dokumen:</u> RM 50.00 Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat:</u> Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka. <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u> 29 Mac 2022 (Selasa) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u> 12.00 tengah hari

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>
2. Pihak Kontraktor / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian** dengan harga **RM50.00** bermula 21 Mac 2022 sehingga 28 Mac 2022.
3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM150.00** bagi kategori **kerja** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat.**

4. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat sebut harga yang diwajibkan, hanya Kontraktor yang telah berdaftar di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.
5. Pihak kontraktor **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk hadir lawatan tapak. Pihak kontraktor boleh membuat lawatan tapak sendiri di kawasan atau tapak projek seperti yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga / tender bagi mendapat maklumat tambahan yang tepat dan berguna bagi penyediaan sebut harga / tender. Dalam hal ini, sekiranya pihak kontraktor mahu melawat sendiri kawasan atau tapak projek, **amalan penjarakan, penggunaan topeng muka (face mask) dan pencuci tangan (hand sanitizer)**.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : 15 Mac 2022